

AMBANG PENGECUALIAN PELAKSANAAN E-INVOIS DINAIKKAN

CYBERJAYA, 30 OGOS 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa sejak pelaksanaan e-Invois mulai 1 Ogos 2024, sebanyak 265,379 pembayar cukai telah mengemukakan e-Invois yang melibatkan pengeluaran lebih 1.84 bilion e-Invois. Pencapaian ini menunjukkan tahap penerimaan yang baik dalam kalangan pembayar cukai termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) terhadap pelaksanaan e-Invois sebagai langkah transformasi untuk mendigitalkan operasi perniagaan dan memastikan transaksi direkod atau disimpan secara teratur.

Selaras dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri dalam Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2026 pada hari ini, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan nilai ambang pelaksanaan e-Invois daripada **RM1 juta kepada RM3 juta, berkuat kuasa mulai 1 September 2026**. Dengan kenaikan nilai ambang tersebut, PMKS dengan pendapatan atau jualan tahunan kurang daripada RM3 juta tidak diwajibkan untuk melaksanakan e-Invois.

Perincian lanjut berkaitan pelaksanaan e-Invois ini boleh diperoleh melalui Laman Mikro e-Invois atau pautan <https://www.hasil.gov.my/e-invois>

Pengumuman ini turut memberi manfaat kepada keseluruhan lebih 1.1 juta peniaga yang mendapat pengecualian. Sehubungan dengan itu, ikhtiar Kerajaan MADANI ini mencerminkan keprihatinan Kerajaan dalam meringankan beban pematuhan dan kos yang ditanggung oleh PMKS, di samping memberi ruang kepada golongan peniaga untuk terus memberi tumpuan kepada kelangsungan dan pengembangan perniagaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan amat menggalakkan penyertaan PMKS secara sukarela dalam pelaksanaan e-Invois selaras dengan aspirasi negara ke arah pendigitalan perniagaan. HASiL juga komited dalam memastikan kelancaran pelaksanaan e-Invois dengan mengambil pendekatan secara aktif melalui pelaksanaan aktiviti pendidikan, program bimbingan (*hand-holding*) dan sesi libat urus secara berterusan. Inisiatif ini turut merangkumi panduan dan tutorial penggunaan Portal MyInvois, aplikasi MyInvois dan MyInvois e-POS bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai pelaksanaan e-Invois dalam kalangan PMKS.

Pembayar cukai boleh menghubungi HASiL melalui saluran khas e-Invois seperti berikut untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat selanjutnya:

- a. Berkunjung ke Pejabat HASiL;
- b. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- c. MyInvois *Live Chat*;
- d. E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- e. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

SEKIAN, TERIMA KASIH.



Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 30 Ogos 2026